

## Persepsi Kumpulan Multietnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain

### *Perception of the Multiethnic Group in Sabah of Own Ethnicity and Others Ethnics*

CHUA BEE SEOK<sup>1</sup>,  
JASMINE ADELA MUTANG<sup>2</sup>,  
LAILAWATI MADLAN<sup>3</sup>

Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jln UMS, 88400 Kota Kinabalu  
*chuabs@ums.edu.my<sup>1</sup>, jasmine@ums.edu.my<sup>2</sup>, laila@ums.edu.my<sup>3</sup>*

**Abstrak** Malaysia merupakan sebuah negara berpluraliti tinggi yang terkenal dengan keunikan budaya dan kepelbagaian etnik khususnya di Sabah dan Sarawak. Kemajmukan negara ini telah lama wujud dan kini sifat pluralitinya semakin berkembang setelah negara ini memasuki era pasca-moden. Disebabkan wujudnya kepelbagaian identiti bangsa dalam masyarakat Malaysia, maka semangat muhibah, hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi dan pemahaman identiti bangsa sesuatu kelompok masyarakat terutamanya antara kelompok majoriti dan minoriti amat penting. Kajian ini dijalankan bertujuan mengupas pemahaman konsep stereotaip, prejudis dan diskriminasi dalam kalangan etnik utama (Kadazandusun, Bajau, Murut dan Cina) di Sabah dengan mengkaji bagaimanakah kumpulan etnik tertentu mempersepsikan etnik mereka sendiri dan persepsi etnik ini terhadap kumpulan etnik lain. Responden kajian ini terdiri daripada 36 ahli persatuan etnik yang mewakili empat kumpulan etnik yang berbeza (Kadazandusun, Bajau, Murut dan China) di Sabah. Data dikumpul melalui kaedah perbincangan kumpulan berfokus dan temu bual *in-depth*. Keputusan dan perbincangan dibentangkan dalam kertas kerja ini.

**Kata kunci:** Persepsi, etnik, stereotaip, prejudis dan diskriminasi.

**Abstract** Malaysia is a country famously known for its unique cultural and ethnic diversities, especially in Sabah and Sarawak. The plurality of the country has long existed and has kept growing after the country entered the post-modern era. Due to the diversity of national identity in the Malaysian society, the spirit of goodwill, mutual respect, cooperation, tolerance and understanding of national identity particularly between the ethnic majority and minority groups are very important. The current study aimed to explore the concept of stereotype, prejudice and discrimination

*among major ethnic groups (Kadazandusun, Bajau, Murut and China) in Sabah by studying how certain ethnic groups perceive their own ethnicity and of other ethnic groups. The respondents of this study were comprised of 36 members of the ethnic associations which represent four different ethnic groups (Kadazandusun, Bajau, Murut and China) in Sabah. Data were collected through focus group discussions and in-depth interviews. Results were discussed further in this paper.*

**Keywords:** Perception, ethnic, stereotype, prejudice and discrimination.

## PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara berpluraliti tinggi yang terkenal dengan keunikan budaya dan kepelbagaian etnik khususnya di Sabah dan Sarawak. Kemajmukan negara ini telah lama wujud dan kini sifat pluralitinya semakin berkembang setelah negara ini memasuki era pasca-moden. Ini merupakan suatu realiti yang tidak dapat dinafikan dan juga tidak dapat diubah (Shamsul, 1997). Disebabkan wujudnya kepelbagaian identiti bangsa dalam masyarakat Malaysia, maka semangat muhibah, hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi dan pemahaman identiti bangsa sesuatu kelompok masyarakat terutamanya antara kelompok majoriti dan minoriti amat penting. Ia boleh berlaku melalui interaksi sosial dan jalinan hubungan etnik yang berpanjangan dalam kalangan anggota komuniti tanpa sebarang perasaan negatif.

Cabaran yang dihadapi ke arah pembentukan masyarakat berintegrasi ialah fokus identiti bangsa yang sering ditonjolkan dalam sistem sosial semasa melalui media massa dan elektronik lebih menyentuh mengenai masyarakat Melayu, Cina dan India. Bagaimana pula dengan tahap kefahaman identiti bangsa komuniti minoriti seperti Murut, Kelabit, Rungus, Bidayuh, Penan, Orang Asli, peranakan Baba Nyonya, Gurkha, dan Jawi-Pekan? Ketidakseimbangan pemahaman identiti bangsa secara menyeluruh oleh masyarakat Malaysia secara tidak langsung telah menimbulkan ‘krisis identiti’ dalam kalangan komuniti minoriti mengenai pembentukan masyarakat berintegrasi terutama pembinaan bangsa Malaysia. Ketidakfahaman mengenai identiti bangsa akhirnya boleh menimbulkan sikap prejedis (prasangka), stereotaip, etnosentrik dan akhirnya membawa kepada diskriminasi sosial.

Zaki (2010) mendakwa ramai antara masyarakat Malaysia sebenarnya bersikap prejudis dan menaruh stereotaip negatif terhadap orang lain tanpa disedari. Beberapa kajian dalam bidang psikologi sosial khususnya telah membuktikan fenomena ini seperti di Amerika Syarikat, iaitu hampir 80 peratus masyarakat kulit putih di Amerika tanpa disedari menaruh sikap prejudis terhadap masyarakat kulit hitam. Tingkah laku ini tidak semestinya dalam bentuk perbuatan atau kata-kata secara terbuka, tetapi dalam situasi tertentu ia tetap terserlah. Di Malaysia, prejudis dan stereotaip kaum ini menjadi isu yang sensitif. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan peristiwa yang menjadi peringatan bahawa isu ini boleh memberikan kesan yang tidak baik kepada semua etnik sekiranya diperbesarkan-besarkan. Oleh sebab itu, tidak banyak kajian saintifik yang dilakukan untuk meninjau sejauh mana masyarakat pelbagai kaum di Malaysia menaruh sifat prejudis terhadap satu sama lain (Zaki, 2010).

Sabah mengandungi 35 etnik dan 215 subetnik (Said Abdul Nassir Mohammad Mahadi, 2010). Setiap etnik boleh dikenal pasti melalui bahasa, dialek atau budaya. Para pengkaji terdahulu mengklasifikasikan bahasa etnik di Sabah kepada kelompok tertentu berdasarkan rumpun bahasa. Kajian tersebut merangkumi kajian linguistik, sosiopolitik, sosiologi dan sebagainya. Antara lima etnik terbesar di Sabah ialah Kadazandusun, Murut, Bajau, Cina dan Melayu Brunei. Walaupun terdapat kepelbagaiian budaya, adat resam dan kepercayaan masing-masing, secara amnya Sabah dilihat dan dilaporkan oleh media massa masih mampu berdiri sebagai sebuah negeri yang harmoni tanpa kehadiran isu-isu yang boleh menjelaskan perpaduan kaum. Contohnya, dalam bidang perniagaan iaitu dua etnik yang berbeza boleh berkongsi menjual di premis yang sama walaupun berlainan agama dan etnik. Kebiasaan etnik yang beragama Islam akan menjual makanan, manakala etnik yang bukan beragama Islam akan menjual minuman di dalam premis perniagaan yang sama. Situasi ini dapat menarik pelbagai etnik untuk duduk minum bersama dalam satu premis. Keadaan ini sudah menjadi kebiasaan bagi penduduk tempatan seperti di daerah Tuaran, atau pun Kota Belud, Sabah. Namun, sekiranya wujud sikap stereotaip, prejudis dan diskriminasi yang serius dalam kalangan etnik ia boleh menjelaskan perpaduan antara kaum di Sabah. Malahan, ancaman stereotaip boleh menjelaskan jurang pencapaian antara individu (Steele & Aronson, 1995).

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengupas pemahaman konsep stereotaip, prejudis dan diskriminasi dalam kalangan etnik utama di Sabah dengan mengkaji bagaimana kumpulan etnik tertentu mempersepsikan etnik mereka sendiri dan persepsi etnik ini terhadap kumpulan etnik lain.

Ancaman stereotaip ditakrifkan sebagai “keimbangan yang dirasakan oleh seseorang apabila dia atau kumpulannya menghadapi risiko diberi stereotaip negatif” (Steele & Davies, 2003). Stereotaip juga didefinisikan sebagai kenyataan-kenyataan umum yang negatif terhadap sesuatu kumpulan etnik (McLemore, 1994; Healey, 2009). Misalnya, gambaran berlebih-lebihan tentang sesuatu perlakuan baik atau buruk yang ditujukan kepada sesuatu kumpulan etnik oleh etnik lain terutama kepada etnik minoriti. Hal ini demikian terhasil apabila berlaku pertembungan dua atau lebih komuniti etnik. Fahaman stereotaip ini akan menimbulkan perasaan yang negatif dalam kalangan masyarakat, khususnya masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini kerana fahaman stereotaip akan mengakibatkan sesuatu kumpulan etnik itu memandang rendah terhadap kumpulan etnik lain dan seterusnya membataskan interaksi antara etnik, seterusnya menimbulkan semangat perkauman yang menebal (Mohd Amar, Hazri & Najeemah, 2013).

Simpson dan Yinger (1985) pula telah membahagikan stereotaip kepada dua bentuk. Pertama adalah dengan memberi sifat rendah yang melampau seperti pemalas dan tidak cerdik kepada kumpulan minoriti. Sifat ini cenderung berlaku semasa institusi perhambaan masih berlaku, iaitu situasi kumpulan minoriti sering dieksplotasi oleh kumpulan dominan. Contoh umum adalah etnik ‘X’ ganas, kedekut, ganas dan sebagainya. Bentuk stereotaip yang kedua adalah stereotaip berlaku apabila kuasa dan perbezaan status kumpulan minoriti dengan kumpulan dominan semakin rapat. Kumpulan minoriti juga telah mengalami mobiliti ke atas dan memiliki beberapa kejayaan sama ada di sekolah atau perniagaan. Kejayaan relatif mereka tetap dipandang negatif sehingga muncul ungkapan-ungkapan seperti ‘terlalu pintar’, ‘terlalu materialistik’, ‘terlalu licik’ dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap kumpulan etnik akan memiliki pandangan stereotaip mereka terhadap kumpulan etnik lain. Misalnya, etnik Melayu mempunyai gambaran stereotaip terhadap etnik

Cina dan India dan sebaliknya menebal (Mohd Amar, Hazri & Najeemah, 2013). Healey (2009) juga melihat kesan stereotaip yang boleh berlaku berterusan dari satu generasi ke generasi yang akan menjelaskan hubungan antara kumpulan dominan dan minoriti. Walau bagaimanapun, adakala nya kumpulan dominan ini akan membenarkan atau merasionalisasikan hubungan yang wujud di antara kumpulan dominan dengan kumpulan minoriti.

Prejudis merupakan komponen perasaan mengenai sikap terhadap ahli sesebuah kumpulan berdasarkan keahlian (*membership*) mereka semata-mata. Ia boleh dicetuskan secara automatik dan berbentuk tersirat (*implicit*) atau tersurat (*explicit*). Menurut teori identiti sosial, prejudis berasal dari kecenderungan untuk membahagikan dunia kepada ‘kami’ dan ‘mereka’ serta melihat bahawa kumpulan mereka sendiri adalah lebih baik daripada kumpulan lain (Spears, Doosje & Ellemers, 1999). Prejudis antara etnik berlaku apabila sekumpulan etnik memandang negatif terhadap kumpulan etnik yang lain (Healey, 2009). Menurut Oakes *et al.* (1994), apabila dunia sosial terbahagi kepada ‘kami’ dan ‘mereka’, memberi makna dari segi persamaan emosi. Kajian (Glick, 2002; Mackie & Smith, 2002; Cottrell & Neuberg, 2005) menunjukkan bahawa prejudis boleh mencerminkan tindak balas emosi tertentu yang lebih spesifik terhadap kumpulan lain. Antara tindak balas emosi tersebut termasuklah takut, marah, rasa bersalah, kasihan dan jijik.

Kajian yang dilakukan oleh Cottrell dan Neuberg (2005) menunjukkan bahawa prejudis bukan hanya perasaan negatif terhadap kumpulan lain tetapi lebih daripada itu. Selain mencerminkan corak emosi tertentu seperti marah, takut, jijik dan topeng prejudis yang konvensional, hasil kajian mereka juga melaporkan bahawa secara kualitatifnya emosi yang berbeza cenderung mempunyai kaitan dengan tindakan kualitatif yang berbeza. Contohnya orang mempunyai keinginan untuk bertindak melampaui batas terhadap orang yang membangkitkan kemarahan mereka, melarikan diri daripada orang yang menakutkan mereka dan mengelakkan diri dari berhubung rapat dengan orang yang membuat mereka rasa meluat (*disgust*). Kemungkinan bagi tingkah laku yang berbeza bergantung kepada asas emosi prasangka tersebut. Sesetengah ahli teori telah mencadangkan bahawa semua sifat prejudis adalah tidak sama, atau sekurang-kurangnya tidak berdasarkan

kepada jenis kesan negatif yang sama. Kessler, Mummendey, Funke, Brown, Binder, Zagefka, Leyens, Demoulin dan Maquil (2009) melaporkan bahawa emosi yang berbeza antara kelompok dapat meramalkan aspek konflik antara kelompok. Mereka mengenal pasti sumbangan unik tiga pengukuran emosi dalam meramalkan prejudis dan pengukuran persaingan. Penemuan mereka melaporkan bahawa emosi yang positif antara kumpulan (*intergroup*) mempunyai perkaitan yang negatif dengan jarak sosial, prejudis secara terang-terangan, jarak budaya, persaingan sosial dan persaingan realistik. Pandangan ini mencadangkan bahawa mungkin kita perlu membezakan prejudis yang berkaitan dengan emosi antara kumpulan yang spesifik.

Miller (1975), McLeno (2004) dan Healey (2009) mentakrifkan prejudis sebagai pandangan negatif mengenai ahli atau kelompok etnik lain yang tersemat dalam hati seseorang atau kelompok etnik tertentu. Dengan kata lain, sikap prejudis tidak diluahkan secara terbuka. Lazimnya pandangan ini tidak berasaskan maklumat yang jelas, tepat dan terbuka. Apabila prejudis disuarakan, ia akan menjadi stereotaip. Selanjutnya, Healey (2009) menegaskan bahawa prejudis antara etnik berlaku apabila sesebuah kumpulan etnik memandang negatif terhadap kumpulan etnik lain. Prejudis yang kuat terhadap kumpulan etnik lain sukar diubah walaupun fakta yang kukuh diberikan bagi membuktikan bahawa pemahaman tersebut adalah salah. Melalui proses sosialisasi, sikap prejudis disalurkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Kesan sikap prejudis semakin mudah dilihat apabila berlaku persaingan bagi mendapatkan sesuatu yang terhad sama ada dalam aspek politik, ekonomi atau sosial dan sebagainya. Kebiasaan prejudis timbul akibat penilaian awal yang dibentuk dan tidak dirujuk dengan tinjauan terhadap fakta-fakta sebenar.

## METODOLOGI

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual semi berstruktur. Pendekatan kualitatif merangkumi usaha meneroka pemahaman konsep stereotaip, prejudis dan diskriminasi dalam kalangan etnik utama di Sabah.

### **Responden kajian**

Responden kajian ini daripada 36 orang ahli persatuan etnik yang mewakili empat kumpulan etnik yang terlibat dalam kajian ini, iaitu sembilan orang ahli daripada Persatuan Kadazandusun, sembilan orang ahli daripada Persatuan Bajau, enam orang ahli daripada Persatuan Cina dan 12 orang ahli daripada Persatuan Murut.

### **Lokasi Kajian**

Kajian dijalankan di sekitar Kota Kinabalu, Tenom dan Kota Marudu, Sabah yang mempunyai pusat penubuhan persatuan bagi empat kumpulan etnik Kadazandusun, Bajau, Cina dan Murut.

### **Ukuran Kajian**

Ukuran kajian ini adalah terdiri daripada satu set soalan terbuka yang dibentuk oleh ahli kumpulan penyelidik untuk meneroka pemahaman konsep stereotaip, prejudis dan diskriminasi dalam kalangan etnik. Set soalan kajian ini terdiri daripada dua bahagian iaitu, bahagian untuk mengumpul maklumat demografi dan bahagian yang mengukur pemahaman konsep stereotaip, prejudis dan diskriminasi antara etnik. Maklumat demografi yang dikumpul termasuklah jantina, umur, bangsa dan agama.

Bagi mengukur pemahaman konsep stereotaip, prejudis dan diskriminasi, 12 soalan telah dibentukkan untuk mengumpul maklumat berkaitan stereotaip. Contoh soalan adalah seperti berikut: “Boleh

ceritakan tentang etnik anda dengan lebih lanjut lagi?”, “Apa ciri-ciri yang menonjol bagi etnik anda?”, “Apa ciri-ciri yang menonjol bagi etnik itu (Bajau/Kadazandusun/Melayu Brunei/Murut/Cina)?” dan “Ada apa-apa peristiwa yang berlaku antara kau dengan etnik lain (Bajau/ Kadazandusun/ Melayu Brunei/Murut/Cina)?”. Terdapat sepuluh soalan yang dibentuk untuk mengukur prejudis dalam kalangan etnik. Contoh soalan adalah, “Apa tidak bagusnya etnik kau?”, “Boleh anda jelaskan dengan lebih lanjut/ kenapa anda berpandangan sedemikian? (Merujuk kepada soalan 2)”; “Apa tidak bagusnya etnik itu?” dan “Adakah berlaku apa-apa perkara yang tak bagus? (Sekiranya, tidak dapat jawapan daripada bahagian stereotaip, soalan ini akan ditanya)”. Pemahaman berkenaan diskriminasi juga diukur berdasarkan sepuluh soalan yang dibentuk. Contoh soalan bagi mengukur diskriminasi adalah seperti berikut: “Apa kau buat kalau orang lain (etnik lain) bercakap tak bagus pasal etnik kau?”, “Apa pendapat kau, kalau kau bekerjasama dengan rakan sekerja yang sama etnik? (Versi pekerja)”; “Apakah pengalaman yang kau dapat berkenaan layanan orang lain terhadap etnik kau?” dan “Apakah diskriminasi yang kau pernah alami?”

## **Analisis Data**

Data kajian yang dikumpul dianalisis mengikut langkah yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) bagi analisis tema. Analisis ini melibatkan pencarian pola makna yang berulang-ulang daripada maklumat yang dikumpul. Analisis data bermula dengan transkripsi data, membiasakan diri dengan data dengan membaca berulang-ulang, kemudian memberi kod awal kepada data yang dikenal pasti. Langkah memberi kod awal ini dijalankan ke atas keseluruhan data yang dikumpul. Kod ini kemudiannya dikategorikan dalam tema tertentu. Tema-tema yang telah dikenal pasti dikaji semula untuk penetapan bahawa ia adalah sesuai di peringkat ekstrak individu dan secara keseluruhan set data.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Persepsi etnik terhadap etnik mereka dan etnik lain yang dikumpul adalah hasil daripada temu bual mendalam (*in-depth interview*) dan perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion*) dengan 244 orang responden daripada lima etnik utama di Sabah, iaitu Kadazandusun, Murut, Bajau, Malaya Brunei dan Cina. Responden kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, iaitu ahli-ahli persatuan etnik, pekerja kerajaan dan swasta, pelajar universiti dan pelajar sekolah menengah.

### ***Persepsi Etnik Kadazandusun terhadap Etnik Sendiri dan Etnik Lain terhadap Mereka***

Menurut responden, etnik Kadazandusun biasanya dikenal pasti dari segi bahasa mereka yang ‘keras’ dan ‘pekat’, bermata sepet, berkulit cerah, cantik, badan yang tegap, rendah dan kecil. Asal usul mereka juga dikatakan adalah dari luar bandar dan kebanyakannya beragama Kristian. Kumpulan etnik Kadazandusun dicirikan dengan nilai-nilai yang baik seperti mesra, mudah bergaul, suka membantu orang, berani, menghormati orang lain, sopan dan senang bekerjasama. Sebaliknya, terdapat juga ciri-ciri negatif yang dikaitkan dengan etnik Kadazandusun seperti kurang keyakinan, pandang rendah terhadap etnik sendiri (Dusun) dan kedekut. Mereka juga sering dikaitkan dengan kebiasaan atau tradisi meminum minuman keras, dan ada yang masih mengamalkan ilmu hitam. Ringkasan persepsi kumpulan etnik ini terhadap diri mereka sendiri dan persepsi etnik lain terhadap diri mereka ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2. Berikut merupakan antara pernyataan yang mereka gambarkan tentang etnik Kadazandusun.

“Dusun ini mesra, suka membantu orang, kalau orang Dusun ini yang saya nampak dia orang senang rendah diri ba, sebab dia orang tidak suka meninggi-ninggi diri lah...”

“Kalau saya bangsa Dusun ini macam suka minum-minum, bangsa lain mesti join, itu kebaikankah, tidak tahu lah... memang dia ikut geng itu walaupun bangsa lain.”

“...dia orang memang asal dari kampung.”

“Orang Dusun itu friendly, cepat mesra.”

“Dia orang macam hormat kepada agama orang lain, dulu macam saya sembahyang dalam bilik dia dengar radio, dia terus off.”


“Contoh saya first time masuk universiti kan, contoh ada pembentangan macam tu, kalau orang Dusun tidak yakinlah, kalau orang lain ok macam sangat yakin, kalau dia bentang pun macam menunjuk-nunjuk, macam menunjuk dia orang terlalu pandai.”

“Aaa...of course kalau dia cakap Dusun memanglah kita dapat kenal dia tapi kalau dia bercakap bahasa Melayu, dia agak pelat sedikit, keras. Kalau dia Dusun la.”


“...lepas tu fizikal dia badan dia rendah-rendah, lepas tu tegap-tegaplah, keras... dia punya isi keras-keras.”

“Biasanyalah kalau macam kami kan...kami akan anggap Dusun tu kalau perempuan-perempuanya cantik-cantik, kalau lelaki dia handsome-handsome.”

“Yang saya tahu macam yang lebih kurang macam Murut juga, kalau macam ada pesta-pesta memang minum.”



**Rajah 1** Persepsi kumpulan etnik Kadazandusun terhadap diri mereka sendiri



**Rajah 2** Persepsi etnik lain terhadap etnik Kadazandusun

### ***Persepsi Etnik Murut terhadap Etnik Sendiri dan Etnik Lain terhadap Mereka***

Kumpulan etnik Murut sering dipersepsikan sebagai menghormati tetamu, mesra, sopan dan suka minum minuman keras. Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada petani yang berasal dari kawasan luar bandar dan kawasan perbukitan. Kumpulan ini juga boleh dikenal pasti dari segi bahasa yang mereka gunakan dan fizikal mereka yang rendah, kecil dan tegap. Terdapat juga persepsi yang menyatakan bahawa etnik Murut agak ketinggalan dari segi pendidikan berbanding etnik lain, mementingkan tradisi dan mempunyai banyak pantang larang. Antara ciri positif yang dikaitkan dengan etnik Murut adalah bersatu hati, mesra, suka menolong dan mudah bekerjasama. Selain itu, ada juga yang mempersepsikan bahawa rupa fizikal kumpulan etnik ini adalah hampir serupa dengan ciri-ciri etnik Kadazandusun, beragama Kristian dan mereka juga boleh dikenal pasti dari segi bahasa mereka. Didapati bahawa tidak banyak respons yang dapat diberikan tentang kumpulan etnik Murut. Keadaan ini mungkin disebabkan kumpulan etnik ini tinggal di kawasan yang jauh dari kumpulan etnik lain. Kumpulan etnik ini banyak tertumpu di Tenom, Sabah. Ringkasan persepsi kumpulan etnik ini terhadap diri mereka sendiri dan persepsi etnik lain terhadap diri mereka ditunjukkan dalam Rajah 3 dan Rajah 4. Antara pernyataan yang dikaitkan dengan etnik Murut menurut etnik lain dan etnik Murut sendiri sebagaimana berikut.

“Iya...masih sampai sekarang ...macam budaya dia tu...macam mana saya mahu apa...mahu explain macam yang...kami terlalu melayan tetamu tu macam yang anu lah sangat-sangat apa...apa...aaa...dipanggil, kami layan tetamu dengan baik.”

“Orang Murut memang kuat minum.”

“Kalau Murut ni tinggal luar bandar. Ada sesetengah yang berhijrah ke bandar, tapi kebanyakannya memang tinggal di luar bandar, kawasan bukit-bukit.”

“Kebanyakan orang Murut ni dia nampak macam...kami ni pendek-pendek, kecil-kecil... (ketawa).”


“Kebanyakan mereka memang belajar, tetapi untuk yang sampai lebih tinggi tu memang sedikit. Banyak yang lepas belajar, tidak minat untuk belajar lagi.”

“Murut kelebihan dia dorang ni tinggal di kawasan pedalaman, perkampungan kan jauh daripada pusat bandar. Kelebihannya lebih kurang dengan Dusun juga, dorang ni peramah...peramah Murut ni.”

“Aaa...Dusun, dia lebih kurang ja sama Murut tu rendah-rendah tegap-tegap. Perempuan...kalau perempuan macam begitu juga yang etnik...etnik Dusun rendah-rendah, tegap-tegap a...”



**Rajah 3** Persepsi kumpulan etnik Murut terhadap diri mereka sendiri



**Rajah 4** Persepsi etnik lain terhadap etnik Murut

***Persepsi Etnik Bajau terhadap Etnik Sendiri dan Etnik Lain terhadap Mereka***

Kumpulan etnik Bajau menyatakan mereka adalah kumpulan etnik yang mempunyai ciri-ciri seperti mesra, mempunyai semangat kekitaan seperti bekerjasama dan membantu etnik sendiri. Mereka mengaku bahawa etnik Bajau suka bergaduh, pemarah, kasar serta malas berusaha dan mengharapkan bantuan. Dari segi budaya dan tradisi, kumpulan etnik ini boleh diidentifikasi dari segi bahasa dan pertuturan yang dikatakan kasar dan keras, cara berpakaian, seni tarian daling-daling, adat dan pantang larang. Dari segi pendidikan, terdapat dua pandangan mengenai hal ini. Sesetengah menyatakan kumpulan etnik ini mempunyai pendidikan yang masih rendah tetapi mereka mementingkan pendidikan dan tidak kurang juga yang berjaya. Dari segi fizikal, kumpulan etnik ini boleh diidentifikasi melalui warna kulit yang gelap dan paras muka tertentu yang unik. Antara label yang sering disebut mengenai kumpulan etnik Bajau ialah suka bergaduh, panas baran,

kasar dan tidak suka bergaul dengan etnik lain, cara cakap yang kasar serta ‘keras’ dan berani. Ringkasan persepsi kumpulan etnik ini terhadap diri mereka sendiri dan persepsi etnik lain terhadap diri mereka ditunjukkan dalam Rajah 5 dan 6. Antara pernyataan yang dikaitkan dengan etnik Bajau menurut etnik lain dan etnik Bajau sendiri sebagaimana berikut.

“Kalau Bajau dia kulit hitam, macam orang Melayu, kan bahasa dia orang ada kasar sikit.”

“Kalau saya pernah mengalamilah, sebab ada satu kan Bajau kan aaa... roommate lah dulu dia Bajau kalau dia marah tu macam terus mangamuk lah.”

“Tapi kalau dalam kelas tu kan nampak la, dorang yang paling bising dalam kelas. Berani macam...biarpun ada lecturer tu kan dorang berani buat bising ni, dorang yang...kalau tahu dia tu orang Sabah conform Bajau, macam tu boleh tahu.”

“Macam mereka bertuturlah, rasa macam tidak puas hati begitulah, jadi dia orang akan bergaduh begitu, mereka lebih macam begitu la kasar. Bila bertutur pun macam tidak puas hatikan, terus...kalau Melayu lebih bersikap demokratik sikit, macam itu, kalau rasa tidak puas hati pun bagus-bagus macam itu. Kalau Bajau ni susah sikit mahu berbincang.

“Kalau saya, saya rasa ini pendapat sayalah kan, kalau di tempat saya, kekurangan Bajau ni, satu... Bajau ni pemalas. Saya rasa la sebab memang pemalas la Bajau ni sebab macam kalau macam di sekolah pun, kalau macam di sekolah saya dulu, kebanyakannya pelajar-pelajar yang tercorot dan malas pergi sekolah budak Bajau, yang suka buka, yang suka buat huru hara sekolah budak Bajau...”

“Kalau saya, dari segi semangat kekeluargaan itulah, mereka sangat.. bond dia orang sangat kuat la. Macam keluarga kami kan macam itu pak cik kau, itu pak cik kau... ooo... Mati la saya semua pun pak cik saya. Walau pun kita tidak satu darah kan kita Bajau and then kita tinggal berhampiran automatik kita akan jadi keluarga.”


“...satunya Bajau, dia punya kulit hitam-hitam sikit, gelap-gelap sikit, kulit gelap-gelap. Macam rata-ratanya kalau di Tuaran, yang menjual di pasar yang menjual ikan tu semua orang Bajau. Majoritinya pekerjaan dorang nelayan la.”

“Tidak la juga ambil parang tapi panas baranlah. Dia macam terus mengamuk, macam dia tidak tapis-tapis la dia terus yang...apa tu, terus dia teriak gitu lah macam dia tidak takut dengan siapa-siapa, dia jenis yang berani lah... yang orang Bajau ni.”

“Boleh tahan juga lah kan. Memang sangat baik, Bajau ni memang sangat baik sebenarnya, bila dorang marah saja tu kita akan rasa takut, sebab cara dorang marah itu sangat-sangat menakutkan.”



**Rajah 5** Persepsi kumpulan etnik Bajau terhadap diri mereka sendiri



**Rajah 6** Persepsi etnik lain terhadap etnik Bajau

#### ***Persepsi Etnik Melayu Brunei terhadap Etnik Sendiri dan Etnik Lain terhadap Mereka***

Tidak banyak maklumat yang diperoleh daripada kumpulan etnik lain terhadap etnik Melayu Brunei. Keadaan ini mungkin disebabkan kumpulan etnik ini tidak seramai etnik Kadazandusun dan Bajau di Sabah. Tambahan lagi, kumpulan etnik ini tertumpu di beberapa kawasan tertentu sahaja di Sabah seperti di Wilayah Persekutuan Labuan, Membakut dan Beaufort. Berdasarkan maklumat yang diberi, kumpulan etnik ini boleh dikenal pasti berdasarkan dialek, warna kulit yang cerah dan cantik. Maklumat dari segi tradisi dan budaya kurang disentuh oleh etnik lain bagi menggambarkan etnik Melayu Brunei. Menurut mereka, kumpulan etnik Melayu Brunei adalah kumpulan etnik yang berada, menghormati orang lain, mesra dan mempunyai semangat bekerjasama tetapi juga adalah kedekut, banyak mulut, malas, banyak cakap dan kaum lelakinya sering dikaikan mempunyai ramai isteri. Ringkasan persepsi kumpulan etnik ini terhadap diri mereka sendiri dan persepsi etnik lain terhadap diri mereka ditunjukkan dalam Rajah 7 dan 8. Berikut merupakan pandangan mereka terhadap etnik Melayu Brunei.

“Loghatlah, dia macam dengar-dengar Melayu tapi menggunakan loghat-loghat Bruneilah.”


“Erm...kalau tengok dari fizikal perempuan Brunei biasanya berkulit cerah tapi kalau lelaki Brunei dia tinggi, cerah, hensem eaaa...(ketawa)”

“Suka berbini lagi. Tak tahu la kampung saya ada beberapa orang Melayu Brunei bukan sini lah tapi di Putatan, tak tahu lah tapi mereka berbini. Banyak bini.”


“Pemalas. Dia orang datang sini, dia orang ada duit dia orang ada tanah, dia orang ambil keuntungan dari tanah itu, kita tengok macam dia etnik yang rajin, tapi mereka sebenarnya begitu ambil keuntungan dari tanah itu.”

“Nama dia Dayang kan, Awang, sebab kami punya sepupu banyak kahwin dengan Melayu Brunei.”

“Kalau Brunei kulitnya bersih. Dia orang itu putih-putih muka dia, badannya kecil-kecil. Dia punya corak kecil-kecil. Tapi kalau Brunei asli badannya besar-besar, tapi satu yang boleh beza dia orang punya kulitlah putih. Bersihlah, sebab orang Brunei ni macam ada keturunan raja sikit.”



**Rajah 7** Persepsi kumpulan etnik Melayu Brunei terhadap diri mereka sendiri



Rajah 8 Persepsi etnik lain terhadap etnik Melayu Brunei

#### *Persepsi Etnik Cina terhadap Etnik Sendiri dan Etnik Lain terhadap Mereka*

Etnik Cina dipersepsikan mempunyai ciri fizikal berkulit putih, bermata sepet dan mudah dikenal pasti dari segi bahasa yang mereka gunakan. Selain itu, mereka juga dipersepsikan sebagai kurang fasih apabila berbahasa Melayu, menggunakan bahasa formal, bercakap dengan laju dan tidak dapat menyebut huruf /r/ dengan jelas. Dari segi tingkah laku dan sikap, etnik Cina dikaitkan dengan ciri-ciri tidak mesra, mementingkan diri, sompong, kedekut, berkira, mementingkan keuntungan, suka bercakap dengan kuat, bergaul dengan etnik sendiri sahaja kurang sopan, dengki dan ‘tikam belakang.’ Namun, kumpulan ini juga dikatakan rajin, tegas, menepati masa dan berfikiran terbuka. Dari segi budaya dan tradisi, etnik Cina dilabelkan sebagai kumpulan etnik yang kaya, mereka berniaga, menguasai ekonomi negeri, mementingkan pendidikan, mempunyai tradisi yang mana keluarga lebih mementingkan anak lelaki. Ringkasan persepsi kumpulan etnik ini terhadap diri mereka sendiri dan persepsi etnik lain terhadap diri mereka ditunjukkan dalam Rajah 9 dan 10. Antara pernyataan yang dikaitkan dengan etnik Cina menurut etnik lain dan etnik Cina sendiri ditunjukkan seperti berikut.

“Kemudian saya rasa mereka ada sedikit pentingkan diri! Maksud saya kalau berbanding dengan bumiputera. Mereka (bumiputera) lebih murah hati. Kamu mahu apa, boleh saja! Orang Cina macam term and condition begitu, apa-apa pun mahu cakap balasan.”

“Mereka akan berkira sangat apabila belanja kamu. Eh! Hari itu saya sudah belanja kamu, kali ini kamu kena belanja balik! (ketawa).”

“Tidak bersopan macam...sedikit-sedikit pun...macam pergi sesetengah tempat jika ada layanan atau perkhidmatan yang tidak baik, dia akan marah terus-terang...apa-apalah. Sesetengah orang Cina suka bertindak kasar.”

“Saya rasa Cina ada satu konsep pentingkan lelaki abaikan perempuan. Macam dalam keluarga ada anak lelaki dan perempuan. Anak perempuan kerja setengah mati, kemudian lelaki tidak perlu kerja, even cuci mangkuk pun tidak perlu.”

“Kadang-kadang dia susah mesra, kalau yang Cina ni lah...”

“Kalau saya pula, saya pengalaman dengan roomate Chinese lah kan. Dia lebih kepada macam dia mungkin ikut diri masing-masing kali kan.


Tidak, saya bukan mahu memburukkanlah, dia lebih pentingkan diri dia sendiri. Maksud dia macam, dia punya barang-barang tu dia tidak mahu disentuh. Dia akan tampal...macam pengalaman sendiri masa tahun satu lah sem (semester) satu, dia akan tampal notis. Jangan sentuh barang-barang dia.”

“Secara jujurlah kan...Cina kalau berkomunikasi kuat suara dorang.”


“Cina bah kaya. Dia macam pegang ekonomi Sabah.”

“Selalunya kalau chinese mata sepet, kadang-kadang nampak kening dorang ada yang naik atas.”

“Chinese ni kelebihan dia punctual. Kalau dari segi masa tu dia memang tepat...”



Rajah 9 Persepsi kumpulan etnik Cina terhadap diri mereka sendiri



Rajah 10 Persepsi etnik lain terhadap etnik Cina

Dapatan dan pernyataan-pernyataan yang ditunjukkan merupakan pandangan daripada responden dalam kajian yang dijalankan. Didapati kebanyakan persepsi terhadap kumpulan-kumpulan etnik yang dikaji adalah positif dan bagi kumpulan etnik seperti Murut dan Melayu Brunei kurang maklumat diperoleh daripada kumpulan etnik lain terhadap mereka. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurang interaksi sosial antara etnik, terdapat isu lain yang tidak terkupas kerana responden segan untuk berkongsi pandangan sebenar secara tersurat. Ataupun, memang tidak banyak wujud pandangan negatif antara etnik, memandangkan perkahwinan campur dengan etnik lain adalah satu fenomena biasa di Sabah. Jalinan kekeluargaan dengan etnik lain boleh meneutralkan persepsi negatif terhadap kumpulan etnik tertentu yang mungkin didengar oleh mereka daripada generasi yang lebih tua.

### **Prejudis Multietnik di Sabah**

Perkataan dan istilah prejudis biasa kita dengar sama ada di media massa atau media cetak mahupun semasa berinteraksi dengan individu lain. Perkataan ini bukan sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat kini. Namun, persepsi dan pemahaman individu mengenai konsep prejudis banyak bergantung kepada pelbagai faktor, konteks dan situasi. Misalnya, bagi keluarga yang dikelilingi oleh masyarakat yang pelbagai budaya dan agama, sudah tentu mereka telah terbiasa dengan adat resam dan cara hidup sesuatu bangsa atau etnik kerana telah berkongsi nilai yang telah lama sebatи dengan kehidupan sehari-hari.

Konsep prejudis biasanya merujuk kepada aspek negatif persepsi dan pandangan sesuatu bangsa atau etnik kepada bangsa atau etnik yang lain. Dalam konteks multietnik di Sabah, konsep prejudis merujuk pandangan negatif sesuatu bangsa atau etnik kepada bangsa atau etnik yang lain. Aspek pertama yang dikenal pasti dalam perkara ini adalah sikap bersangka buruk terhadap etnik lain. Perasaan dan sikap bersangka buruk lahir apabila sesuatu etnik melihat kelemahan dan kekurangan yang ada pada etnik yang lain. Dalam keadaan tertentu, perasaan bersangka buruk juga berlaku dalam etnik itu sendiri. Keadaan ini boleh dikukuhkan oleh pernyataan daripada responden seperti pernyataan berikut.

“Sebaliknya semasa universiti coursemate saya kira mesra. Kami orang Cina,

orang Melayu, orang India kira baiklah! Sebaliknya kami ada terdengar Cina lain cakap buruk orang Cina. Orang Cina cakap buruk orang Cina.  
Sebaliknya etnik lain tidak begitu...”

Selain itu, konsep prejudis merujuk kepada kepercayaan bangsa atau etnik lain terhadap etnik yang lain. Sikap kurang percaya atau tidak percaya sering kali timbul kerana nilai dan jati diri yang dimiliki oleh sesuatu bangsa atau etnik tidak sama dengan bangsa atau etnik yang lain. Kepercayaan ini juga telah lama dibentuk dan dididik sejak kecil dan telah sebatи dengan jiwa mereka. Apabila mereka bersosial dengan orang lain yang berlainan bangsa dan budaya, sudah tentu konsep percaya yang disemai sejak kecil menjadi tapisan sebelum mempercayai orang lain. Konsep percaya juga ada kaitannya dengan sifat membelot. Seseorang akan lebih percaya kepada individu yang lebih rapat dengan mereka dan boleh berkongsi pandangan dan maklumat. Sikap membelot dan berpaling tadah akan mudah terjadi jika atas dasar tidak percaya kepada orang lain yang berlainan etnik. Keadaan ini diperkuuhkan oleh pernyataan seperti di bawah.

“Wah! Dia tidak percaya kamu ada begitu tinggi.”

“Iaitu, contohnya hal yang mereka buat tu tidak boleh dipercayai/tidak logik! Seperti tidak membawa manfaat kepada mana-mana pihak. Pada masa tu saya pun akan marah...”

“Pun akan membelot kawan loh.”

Prejudis juga merujuk kepada konsep kutukan, iaitu perkataan yang boleh mendarangkan kecelakaan kepada seseorang. Ia juga berkaitan dengan perkataan yang keji, menghina dan memburukkan orang lain. Situasi ini turutberlaku dalam konteks prejudis multietnik di Sabah. Kutukan dan perkataan menghina ini berlaku disebabkan etnik tertentu melihat keburukan dan kelemahan etnik lain dan merasakan etnik mereka lebih baik berbanding etnik mereka. Keadaan ini boleh diterangkan oleh pernyataan daripada responden seperti berikut.

“Apabila kita menghadiri satu temu duga jawatan. Dia fikir tentang fakta.

Kadang-kadang kita buat di sini, yang tetap dia orang juga ... dan orang Murut dalam pedalaman ni memang terasa terkutuk ... dan ini telah menjadi satu kebimbangan orang-orang Murut ni. Kita dianggap sebagai diskriminasi kepada satu ni!” (MP10).

Di samping itu, prejudis juga merujuk kepada pandangan sesuatu etnik mengenai tingkah laku etnik lain yang dilihat sebagai berfoya-foya, suka berdebat, membantah dan kurang atau tidak memberikan kerjasama. Perkara ini juga bergantung kepada latar belakang etnik pelbagai dan berbeza yang terdapat di Sabah. Akhir sekali, prejudis multietnik merupakan pandangan etnik lain kepada etnik tertentu sebagai bangga diri dan mengikut perasaan. Beberapa petikan berikut mengukuhkan kenyataan tersebut.

“Saya secara terbuka cakap kalau bangsa Kadazandusun, bangsa Brunei itu, Kadazandusun, Brunei, Bugis dia berbangga dengan bangsa dia. Berbangga dengan bangsa dia. Orang Bajau ada kelemahan, dia di sana, dia tidak berbangga dengan bangsa dia.”

“Saya rasa pada etnik saya mahu cakap ialah, saya rasa lelaki bumiputera sangat miang.”

Oh! Betul, berfoya-foya dan miang. Ini saya juga pernah bertembung semasa tingkatan 6.”

### **Faktor-faktor Prejudis Multietnik**

Prejudis boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor dan sumber. Didapati, terdapat tiga penyebab atau sumber prejudis multietnik, iaitu tret sosialisasi dan sikap. Komponen tret merujuk kepada pandangan etnik lain kepada etnik tertentu sebagai terlalu sensitif, penakut dan agresif. Di samping itu, ia juga melibatkan aspek sompong, suka memaki, mementingkan diri dan kuat cemburu. Selain itu, prejudis multietnik berlaku disebabkan oleh sifat tidak suka membantu orang dan tidak bertimbang rasa. Petikan temu bual berikut mengesahkan kenyataan tersebut.

“Orang Cina macam ada sompong sedikit (hehe) kalau mahu mendekati pun tidak dapat.”

“Orang Cina kalau tidak kenali, juga lihat pada sikaplah! Kemudian ada sesetengah memang lebih sompong loh! Tidak akan bersempang dengan kamu sebarang.”

Penyebab kedua prejudis multietnik, iaitu aspek sosialisasi yang merangkumi dua dimensi penting (i) penerimaan; dan (ii) antisosial. Bagi dimensi penerimaan, prejudis multietnik berlaku kerana etnik lain sukar menerima etnik lain dalam pelbagai perkara, tidak dapat menerima etnik lain dan sangat sukar memaafkan kesalahan orang lain yang berlainan etnik. Dimensi kedua ialah antisosial, iaitu merangkumi suka melanggar etika dan moral, suka membuat kecoh, tidak suka bergaul dengan etnik lain, benci kepada kerajaan. Petikan temu bual di bawah mengesahkan kenyataan tersebut.

“Ada juga, bukan ada juga tapi kenyataannya dia memang ada, dia benci membenci ada juga.”

“Saya juga rasa ok! masih boleh menerima. Mereka tidak akan secara umum “we with” begitu. Kalau ialah pendatang asing, tidak peduli loh!  
Kamu lalu begitu...”

Prejudis multietnik juga boleh berlaku disebabkan oleh sikap etnik lain kepada etnik tertentu. Sikap etnik ini boleh dibahagikan kepada dua dimensi, iaitu verbal dan perlakuan. Dimensi verbal berlaku disebabkan oleh sikap suka memerli bahasa etnik lain dan suka mengejek etnik lain. Dimensi kedua pula, iaitu perlakuan melibatkan sikap panas baran, suka mengamuk dan dilihat sebagai pemalas. Petikan temu bual di bawah mengesahkan kenyataan tersebut.

“Jangan terlampau dicabar, sebab dia balik kepada sifat Bajau asal ini yang pemanas. Dia (etnik Bajau) pemanas tapi dia cepat memaafkan.”

“Bajau sama Bajau kadangkala gaduh-bergaduh itu saya tengok kalau Bajau sama Bajau dia tidak berapa, tapi kalau dengan bangsa lain itu dia akan ..  
... cuba bercuba berhabis-habis mungkin.”

“Saya rasa penting ialah malas (haha). Kalau mahu belajar, tidak kira macam mana tidak pandai, buat sedikit pun boleh. Tiada orang jangka kamu mahu buat bahagian yang terbesar.”

“Itu saja la, kalau bagi saya kan habis saya dapat kawan dengan orang-orang Bajau ni a...itu saja la dorang memang suka menolong tapi keburukan dia kalau dia sakit hati sama kita sudah kan, di situ cara diorang mengamuk tu saja la masalahnya.”

### Kesan daripada Prejudis Multietnik

Fenomena prejudis multietnik berlaku disebabkan oleh faktor tret, sosialisasi dan sikap. Ketiga-tiga faktor ini memberi kesan kepada sesebuah etnik. Dalam kajian ini, terdapat dua kesan daripada prejudis multi etnik, iaitu pasif asertif dan asertif. Kesan pasif asertif seperti berdendam, tidak mahu bergaul dengan etnik lain, memulaukan etnik lain, sakit hati dan wujud perasaan benci. Sementara itu, kesan asertif pula merangkumi rasa rendah diri, tidak berdaya, malu dan rasa putus asa. Petikan temu bual di bawah mengesahkan kenyataan tersebut.

“A... satu perkara lagi yang saya ... saya, bukan saya benci orang Cina ni tapi saya terlalu iri hati mengapa tidak ada Bajau pun nama dia di satu...satu bangunan di KK, ada la mungkin susah kita mahu trace. Kadang-kadang kita terfikir, kenapa la bangsa saya tidak ada kedai di sini.”

“Mereka sangat senang berputus asa begitu! Rasa tidak pandai,  
tidak mahu buat!”

## **Strategi Menangani Prejudis**

Meskipun prejudis multietnik boleh memberi kesan terhadap aspek pasif asertif dan asertif, beberapa cara atau strategi boleh digunakan oleh sesebuah etnik bila berlaku prejudis dalam konteks multietnik. Terdapat dua strategi yang digunakan, iaitu strategi bertindak dan strategi kompromi. Strategi bertindak adalah kaedah yang negatif digunakan oleh seseorang, iaitu seperti membala balik (dendam), sukar mencabar etnik yang berkaitan, berkongsi kemarahan dengan etnik sendiri, meluahkan kemarahan dan suka mengumpat etnik lain. Sementara itu, strategi kompromi dilihat kaedah positif yang digunakan oleh seseorang, iaitu dengan cara mendapat penjelasan daripada etnik berkaitan, sanggup berdepan dengan situasi, cuba bergaul dengan etnik lain dan sanggup atau suka berterus terang bagi membetulkan keadaan jika berlaku konflik atau tiada persefahaman. Petikan temu bual di bawah mengesahkan kenyataan tersebut.

“... berani berdepan dengan cabaran perniagaan ini dan a...kalau saya melihat di peringkat negara orang Melayu pun ada masalah seperti ini apa lagi di peringkat negeri Sabah seperti ini dan ini soal-soal perniagaan seperti ini memang soal benda yang sangat sensitif la kalau kita nilai dari segi ukuran wang ringgitnya walaupun istilah ekonomi ini kalau mengikut sudut ekonomi nya dia lebih luas.”

“Kalau saya, saya suka bergaul dengan semua bangsa, kalau yang negatif itu, saya ambil dari sudut positif, saya tidak mahu ambil dari negatif itu, kalau macam ada mereka yang suka merendah-rendahkan diri saya macam rasa itu macam semangat bagi menaikkan sendiri.”

## **Konsep Diskriminasi Multietnik di Sabah**

Dapatan kajian terhadap lima kumpulan etnik utama di Sabah (Kadazandusun, Murut, Bajau, Malaya Brunei dan Cina) menunjukkan bahawa stereotaip wujud dalam setiap etnik. Namun, sejauhmanakah fenomena itu akan membawa kepada diskriminasi akan dikupas dalam bahagian ini. Daripada hasil kajian, tiga aspek diskriminasi multietnik di Sabah telah dikenal pasti dan akan dibincang secara terperinci, iaitu:

- i) pengalaman diskriminasi etnik,
- ii) kesan daripada pengalaman diskriminasi etnik, dan
- iii) strategi yang digunakan untuk menangani diskriminasi etnik yang dialami.

### ***Pengalaman Diskriminasi Multietnik***

Berdasarkan hasil temu bual dengan lima kumpulan etnik utama di Sabah, pengalaman diskriminasi etnik responden-responden kajian ini boleh dikategorikan kepada dua fenomena utama iaitu, i) layanan yang tidak adil; dan ii) penafian hak etnik. Dari segi layanan yang tidak adil, responden kajian ini melaporkan mereka rasa dilayan secara tidak adil oleh kumpulan etnik lain seperti dalam memberi kerjasama dan memberi kepercayaan. Mereka juga berasa didiskriminasi apabila kumpulan etnik lain tidak suka berkomunikasi dengan mereka, tidak menghormati mereka, tidak menegur atau bersikap sompong terhadap mereka. Terdapat juga responden yang melaporkan mereka ‘terasa’ terdapat diskriminasi etnik apabila kumpulan etnik lain memandang rendah kumpulan etnik mereka. Berikut adalah pernyataan daripada responden dalam perkara ini.

“Sebenarnya soal diskriminasi ini barangkali wujud kerana itu la tadi tu, perbezaan di mana apa ni. Kalau kita menyedari am... orang-orang Murut ini masih jauh ketinggalan ba sedangkan dia tinggal di negeri Sabah, di Malaysia, kalau sekarang ini bertubi-tubi peruntukan khas untuk orang asli, kenapa orang Murut tidak apa ni...tidak diberi seperti orang Asli sedangkan orang Murut ini dia lebih kurang.”

“Cuma itu saja la kalau kadang ada kita dengar, kadang ni...macam saya cakap tadi tu la “eh...si anu tu Filipin, Bajau Filipin tu tiada guna anak...” kadang-kadang di situ kita boleh mara la, bilang ‘eh...kenapa pula dia bawa-bawa bangsa ni a.”

“So far tak ada! Ada pun di luar! Bukan sangat teruk. Pun tidak bercakap dengan kamulah! Tidak dialu-alukan begitulah!”

Bagi penafian hak etnik pula responden kajian ini melaporkan bahawa mereka berasa hak mereka disisihkan oleh kumpulan etnik lain. Penyisihan hak etnik yang dimaksudkan adalah seperti tidak dibenarkan menggunakan kemudahan universiti kerana etnik mereka, terdapat diskriminasi pemilihan masuk ke universiti awam, penerimaan biasiswa, permohonan kerja, memegang jawatan penting di organisasi. Terdapat juga responden yang melaporkan mereka berasa hak mereka disisih kerana kumpulan etnik mereka dianggap sebagai pendatang, membahayakan, ganas, suka bergaduh dan melakukan jenayah, serta terdapat juga responden melaporkan mereka rasa didiskriminasi kerana mempunyai wajah asli etnik mereka. Contoh, pernyataan responden dalam perkara ini adalah seperti berikut.

“Saya tidak suka seperti...mereka tidak melibatkan saya.”

“Kalau dia orang Murut, jangan kahwin orang Murut (haha) saya benci orang cakap begini. Dia orang macam pandang rendah sama kami begitu.”

“Ya! Kotor dia bilang. Kotor lagi dia cakap begitu. Dia cakap kami sebagai pesakit di hospital, dia sebagai doktor yang merawat kami..”

“Dia orang tidak bergaul, tidak bergaul. KDM akan tinggal dekat ulu-ulunya orang bilang..aaa...yang Brunei-Brunei ni tinggal dekat pekan...gitu. Ya, mungkin boleh cakap jugalah ditindas. Pasal masa parent saya kan, dia kerja government kan, dia punya bos tu...aaa...KDM kan. Aaaa...macam mana mau cakap aaa? Dia ada pekerja, let's say mama saya Melayu-Brunei, ada satu orang pekerja tu, KDM. Dia punya bos KDM. Dia hantar kursus untuk KDM ni saja, tidak hantar saya punya mama.”

### ***Kesan daripada Pengalaman Diskriminasi Multietnik***

Kesan daripada pengalaman diskriminasi etnik, reaksi yang ditunjukkan oleh responden kajian boleh dikategorikan kepada tiga reaksi utama, iaitu tindakan agresif, tindakan asertif dan tindakan pasif. Tindakan agresif merujuk kepada reaksi responden yang bersedia untuk membala balik atau bersedia untuk berdepan dengan situasi diskriminasi etnik yang mereka alami. Tindakan agresif yang dilaporkan oleh responden apabila mereka merasakan kumpulan etnik mereka disisih oleh etnik lain seperti tidak mahu

bergaul dengan etnik yang menyisihkannya, tidak mahu menghiraukan kumpulan etnik tersebut, timbul rasa berdendam, benci dan sakit hati terhadap orang yang menyisihkan kumpulan etniknya. Ringkasan respons para pelajar universiti dalam tiga tindakan ini ditunjukkan dalam Jadual 2. Contoh, pernyataan responden dalam perkara ini adalah seperti berikut.

“Bermusuh sampai sekarang lagilah!”

“Tidak boleh bergosip dengan orang lain saya benci itu...”

Respons asertif merujuk kepada tindakan responden yang sederhana, iaitu tidak terlalu agresif dan tidak terlalu pasif apabila merasakan kumpulan etnik mereka didiskriminasikan. Kumpulan pelajar kajian ini melaporkan mereka berasa sedih, kecewa dan marah apabila merasakan diri mereka atau kumpulan etnik mereka disisihkan. Bagi pelajar yang menunjukkan respons pasif pula mereka menyatakan apabila mereka merasakan diri atau kumpulan etnik mereka didiskriminasi oleh etnik lain, mereka berasa tidak berdaya, rendah diri, malu dan putus asas. Contoh pernyataan responden dalam perkara ini adalah seperti berikut.

“Bagi saya, kalau bila orang cakap yang nda baik tentang saya punya etnik, bagi saya macam I macam kecil hati jugak la, siapa ndak kecil hati kan.

Lepas tu macam saya punya reaksi macam tu jak la, saya selalu kecil hati lepas tu tapi bila saya boleh berfikir balik la macam tapi kadang-kadang betul jugak apa yang dorang cakap. Macam tu juga la, saya boleh fikir balik la. Cam tu saja la reaksi saya.”

“Tidak la, saya diam saja la. Kadang saya cakap pun macam mo... apa bilang kalau kasih mahu cakap, mahu tambah-tambah jadi gaduh lagi. Tapi saya lari, saya ambil saya punya anak a... peduli dorang tu, biar la. Ndak juga minta makan sama dia...(ketawa).”

“Biar la dia sana tu, dia ingat dia apa, butun itu”...(ketawa).”

### ***Strategi Menangani Diskriminasi Multietnik***

Daripada hasil temu bual dengan lima kumpulan etnik di Sabah, didapati terdapat tiga strategi utama yang digunakan oleh para responden kajian dalam menangani diskriminasi etnik yang dihadapi iaitu, strategi positif, strategi negatif dan bertoleransi. Strategi positif merujuk apabila mengalami situasi yang berkaitan dengan diskriminasi etnik, responden akan memberi tindak balas secara baik, berterus terang bagi membetulkan keadaan, berdepan dengan situasi bagi menyelesaikan isu yang timbul, bersabar, memberi reaksi positif walaupun dia berkecil hati dan responden akan cuba mengelak daripada bergaul dengan kumpulan etnik yang mendiskriminasikannya tetapi bergaul dengan etnik lain. Selain itu, terdapat responden yang menggunakan strategi mengelak sebelum fenomena diskriminasi etnik berlaku. Contoh pernyataan responden dalam perkara ini adalah seperti berikut.

“Kalau saya sebenarnya kalau saya tidak puas hati dengan orang tu, saya terus terang dengan dia. Saya bagitau dan saya tanya kenapa dia cakap begitu. Kalau ada saya tahu orang tu cakap begitu, kenapa apa yang menyebabkan dia boleh cakap begitu berkenaan dengan etnik kami.”

“Sebenarnya ada banyak barang kami tidak dapat buat apa, biarlah kamu! Memang! ----- kita semakin banyak berhadapan dengan hal-hal yang kita tidak puas hati. Tetapi biasanya kami hanya bersabar! Keluarkan akan merosak banyak barang (perhubungan).”

“...kita anggap tu sebagai satu cabaran untuk kita maju lagi, sekarang makin orang buka mata dan tahu mempertahankan budaya sendiri. Satu lagi, kalau kita masih ditindas lagi, itu saja yang kita ingat semua makhluk adalah ciptaan Tuhan, itu saja.”

Strategi negatif yang digunakan oleh responden untuk menangani isu diskriminasi etnik seperti mengambil tindakan membala-balik (dendam), meluahkan kemarahan terhadap kumpulan etnik yang mendiskriminasikan mereka, mengumpat tentang etnik yang berkaitan, mencabar etnik yang

berkaitan, serta berkongsi kemarahan terhadap kumpulan etnik yang berkaitan dengan kumpulan etnik sendiri. Contoh pernyataan responden dalam perkara ini adalah seperti berikut.

“Apabila kita tidak gembira bertemu dengan sesetengah etnik, kita akan keluarkan sesetengah kata, tetapi bukan di depanlah!  
Akan di dalam bilik. Ini... (haha)”

“Saya menambah sikit la. Pada masa ini la, pendapat saya ataupun tindakan saya la kan, saya akan cuba atasi ini secara matang tidak macam dulu dengar saja terus muahu menyerang, tidak. ...”

Bertoleransi pula merujuk kepada strategi seperti berdiam diri sahaja, membiarkan sahaja, menerima sahaja dan bertolak ansur apabila isu diskriminasi etnik itu berlaku. Ringkasan strategi menangani diskriminasi etnik yang digunakan oleh para pelajar universiti ditunjukkan dalam Jadual 3. Contoh pernyataan responden dalam perkara ini adalah seperti berikut.

“Biasanya kami akan mengelak konflik secara percakapan.”

“Juga tidak muahu pergi bergaduh, biar saja!”

Jangan bagi mereka tandatangan!” I mean perkara begini berlaku,  
kami pun akan bertolak ansur, selalu, “kamu tandangan dulu!  
Kamu dululah! Saya tunggu!”

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian ini didapati keempat-empat kumpulan etnik kajian ini boleh memberi pandangan dan komen yang cukup mendalam berkenaan etnik diri mereka. Namun, pengetahuan terhadap kumpulan etnik lain adalah agak kurang. Hal ini mungkin disebabkan oleh penempatan etnik dalam daerah tertentu menyebabkan pergaulan dengan etnik lain agak terbatas. Perkenalan dengan etnik lain hanya terjadi ketika kumpulan-kumpulan etnik ini bertugas di tempat kerja yang sama ataupun semasa pergaulan di sekolah dan sekiranya mereka tinggal di asrama sekolah.

Persepsi kumpulan etnik sama ada terhadap etnik sendiri mahupun terhadap kumpulan etnik lain banyak mengandungi pandangan positif berbanding persepsi berbentuk negatif. Satu dapatkan menarik daripada hasil temu bual dengan keempat-empat kumpulan etnik, terdapat dua kenyataan yang konsisten diberikan oleh kumpulan etnik terhadap etnik diri mereka, iaitu masing-masing telah mendakwa bahawa mereka adalah kumpulan etnik yang menghormati kumpulan etnik lain dan mempunyai pemikiran atau sikap terbuka.

Persepsi negatif sama ada daripada kumpulan etnik sendiri mahupun daripada kumpulan etnik lain yang berunsur prejedis dan stereotaip yang diperhatikan daripada hasil temu bual adalah seperti orang Bajau telah dilabel sebagai kumpulan yang panas baran dan suka bergaduh, orang Cina dikatakan adalah kumpulan etnik yang kedekut dan kurang membantu orang, orang Kadazandusun dilabel sebagai kumpulan etnik yang kuat minum minuman keras, kurang komitmen dan berhasad dengki. Sementara itu, orang Murut dikatakan adalah kumpulan yang kurang berkeyakinan dan malas berusaha. Orang Melayu Brunei pula dikatakan adalah kumpulan yang banyak bercakap dan suka mengkritik. Namun, daripada kenyataan negatif itu unsur prejedis dan stereotaip sesama etnik atau antara etnik adalah tidak ketara. Walaupun dalam kajian lepas seperti yang dilaporkan oleh Zaki (2010) menunjukkan bahawa ramai masyarakat di Malaysia cenderung menjadi prejedis terhadap kaum lain tanpa disedari, keadaan ini adalah tidak ketara di negeri Sabah.

Dapatkan kajian juga menunjukkan tidak banyak kenyataan terhadap etnik yang boleh dikaitkan dengan diskriminasi antara etnik. Daripada respons dalam temu bual, kebanyakan responden menyatakan diskriminasi antara etnik tidak wujud dan diskriminasi yang dirasakan adalah hasil daripada prosedur dan sistem pentadbiran. Dari segi budaya dan tradisi, secara keseluruhan ciri sesuatu kumpulan etnik boleh dikenal pasti melalui tempat asal usul, agama, bahasa, punca sara hidup, tradisi seperti jenis tarian, jenis pakaian, jenis makanan dan amalan adat dan tradisi masing-masing, serta dari segi fizikal badan seperti warna kulit serta ketinggian dan mata.

## RUJUKAN

- Cottrell C. A., & Neuberg S. L. (2005). Different emotional reactions to different groups: A sociofunctional threat-based approach to “Prejudice”. *Journal of Personality and Social Psychology*, Vol. 88 (5), hlm. 770–789. DOI: 10.1037/0022-3514.88.5.770
- Dumont, M., Yzerbyt, V., Wigboldus, D., & Gordijn, E. H. (2003). Social categorization and fear reactions to the September 11<sup>th</sup> terrorist attacks. *Personality and Social Psychology Bulletin*, Vol. 29, hlm. 1509–1520.
- Glick, P. (2002). Sacrificial lambs dressed in wolves’ clothing: Envious prejudice, ideology, and the scapegoating of Jews. In *Understanding Genocide: The Social Psychology of the Holocaust* (hlm. 133–142). New York: Oxford University Press.
- Gordijn, E. H., Wigboldus, D., & Yzerbyt, V. (2001). Emotional consequences of categorizing victims of negative outgroup behavior as ingroup or outgroup. *Group Processes and Intergroup Relations*, Vol.4, hlm. 317–326.
- Healey, J.F.(2009). *Race, ethnicity, gender and class: The sociology of group conflict and change* (5<sup>th</sup> ed.). Newport: Christopher Newport University.
- Kessler, T., & Hollbach, S. (2005). Group based emotion as determinants of ingroup identification. *Journal of Experimental Social Psychology*, Vol. 41, hlm. 677–685.
- Kessler, T., Mummendey, A.L., Funke, F., Brown, R., Binder, J., Zagefka, H., Leyens, J.P., Demoulin, S.P., and Maquil, A. (2010). We all live in Germany but . . . Ingroup projection, group-based emotions and prejudice against immigrants. *European Journal of Social Psychology Eur. J. Soc. Psychol.*, Vol. 40, hlm. 985–997. DOI: 10.1002/ejsp.673. pg. 986–997.
- Mackie, D. M., & Smith, E. R. (2002). *From prejudice to intergroup relations: Differentiated reactions to social groups*. New York: Psychology Press.
- McLemore, S. D. (1994). *Racial and ethnic relations in America*. USA: Allyn & Bacon.
- McLemore, S. D. & Romo, H. D. (2004). *Racial and ethnic relations in America* (7<sup>th</sup> ed.). Boston, Mass: Pearson/Allyn and Bacon.
- Mohd. Amar Ibrahim, Hazri Jamil & Najeemah Mohd. Yusof (2013). Prejudis dan Stereotaip dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Proceeding of the Global Summit on Education*, hlm. 1011–1021.
- Said, Abdul Nasir dan Mohammad Mahdi Abas (2010). *Memalarsegerkan tradisi etnik Sabah melalui pendokumentasian*. 1–25. Chua Bee Seok, Ferlis Bin Bahari; Lailawati Madlan; Jasmine Adela Mutang & Nur Farhana Ardillah Aftar. (2012). Parents’ Ethnic Socialization Practices, Ethnic Identity and Psychological Adjustment among Multi Ethnic Children in Sabah, Malaysia. *International Proceedings of Economics Development and Research*.

- Psychological Sciences and Behaviors, 40, 105–109. Retrieve on 31 July 2013, on <http://www.ipedr.com/vol40/022-ICPSB 2012-P10015.pdf>.
- Shamsul, A.B. 1997. The making of a “Plural” Malaysia: A brief survey. Dlm. David Y. H. Wu, Humphrey McQueen & Yamamoto, Yasushi (Ed.), *Emerging Pluralism in Asia and the Pacific*, hlm. 67–83. The Chinese University of Hong Kong: Hong Kong Institute of Asia-Pacific Studies.
- Simpson, G. E. & Yinger, J. M. (1985). *Racial and cultural minorities: An analysis of prejudice and discrimination*. New York: Plenum Press.
- Smith, E. R. (1993). Social identity and social emotions: Toward new conceptualizations of prejudice. In D. M. Mackie, & D. L. Hamilton (Eds.), *Affect, Cognition, and Stereotyping: Interactive Processes in Group Perception* (hlm. 297–315). San Diego, CA, USA: Academic Press.
- Smith, E. R. (1999). Affective and cognitive implications of a group becoming part of the self: New models of prejudice and of the self concept. In D. Abrams, & M. A. Hogg (Eds.), *Social Identity and Social Cognition* (hlm. 193–196). Oxford: Blackwell Publishers.
- Spears, R., Doosje, B., Ellemers, & Ellemers, N. (1999). *Commitment and the context of social perception. Social identity: Context, commitment, content*. (hlm. 59–83). Oxford, England: Blackwell Science, ix, 273 pp.
- Steele, C. M., & Aronson, J. (1995). Stereotype threat and the intellectual test performance of African Americans. *Journal of Personality and Social Psychology*, Vol. 69, hlm. 797–811.
- Yzerbyt, V., Dumont, M., Wigboldus, D., & Gordijn, E. (2003). I feel for us: The impact of categorization and identification on emotions and action tendencies. *British Journal of Social Psychology*, Vol. 42, hlm. 533–549.
- Zaki Samsudin. (2010). *Menangani prejudis dan stereotaip negatif kaum*. Retrieve from [http://english.cpiasia.net/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1848:menangani-prejudis-and-stereotaip-negatif-kaum-&catid=219:contributors&Itemid=171](http://english.cpiasia.net/index.php?option=com_content&view=article&id=1848:menangani-prejudis-and-stereotaip-negatif-kaum-&catid=219:contributors&Itemid=171). on 6 May 2013.
- Zebrowitz L. A., Kikuchi, M., & Fellous, J. M. (2010). Facial resemblance to emotions: GroupDifferences, impression effects, and race stereotypes. *Journal of Personality and Social Psychology*, Vol. 98 (2), hlm. 175–189. DOI: 10.1037/a0017990.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa  
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

